

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: MINGGUAN MALAYSIA

TARIKH: 10 SEPTEMBER 2017

MUKA SURAT: 21

MBMB terima Anugerah Hijau UEA

ALOR GAJAH 9 Sept. - Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) dipilih sebagai pemenang tempat kedua Anugerah Hijau Urban Environmental Accords (UEA) yang diadakan bersempena majlis penutup Sidang Kemuncak UEA 2017 di sini, malam tadi.

Tempat pertama anugerah yang kali pertama diperkenalkan itu dirangkul Majlis Bandaraya Taipei (Taiwan) manakala Majlis Bandar Metropolitan Gwangju (Korea Selatan) di tempat ketiga.

Walaupun berada di tempat kedua, MBMB selaku satu-satunya pihak berkuasa tempatan (PBT) yang mewakili Malaysia itu berjaya menawarkan majlis bandaraya utama dunia lain termasuk Korea Selatan, Jepun, Finland, China, Belgium, Equador dan India.

Anugerah Hijau UEA 2017 berkenaan disampaikan oleh Yang Dipertua Negeri, Tun Mohd. Khalil Yaakob kepada wakil MBMB.

Yang turut hadir, Ketua Menteri, Datuk Seri Idris Haron; Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah Mohamed Sadique; Timbalan Datuk Bandar Bandar Metropolitan Gwangju, Park

Byung Ho dan Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar negeri, Datuk Ismail Othman.

Idris ketika berucap dalam majlis itu berkata, kejayaan MBMB menerima pengiktirafan tersebut adalah berkat usaha keras dan berterusan PBT berkenaan dalam melaksana serta memperkasakan amalan teknologi hijau di negeri ini.

"Kejayaan ini diharap boleh dijadikan pemangkin kepada PBT lain di Melaka dan seluruh negara ke arah menjadikan dunia lebih selamat serta selesa untuk diduduki pada masa depan berpandukan amalan teknologi hijau," katanya.

Sidang kemuncak kali keempat itu pertama kali diadakan di Malaysia dan ia merupakan platform bagi membincangkan secara terperinci mengenai pelan tindakan hijau berdasarkan pelan induk Melaka sebagai Negeri Bandar Teknologi Hijau.

Tambah Idris, Melaka juga adalah satu-satunya negeri di negara ini yang menjadi ahli Persidangan Antarabangsa Bagi Inisiatif Alam Sekitar Tempatan (ICLEI) yang melaksanakan pendekatan UEA untuk memastikan hasrat Melaka menjadi negeri bandar raya teknologi hijau pada 2020 tercapai.



KHALIL YAAKOB, Idris Haron, Park Byung-Ho (tiga dari kanan) dan Halimah Mohd. Sadique (dua dari kanan) dalam majlis makan malam Sidang Kemuncak UEA 2017, Alor Gajah, Melaka, semalam.